

Akidah Islam Menurut AL-QURAN DAN HADIS

Azarudin Awang

Isi Kandungan

Dedikasi		*v*
Isi Kandungan		*vii*
Senarai Jadual		*xi*
Kata Pengantar		*xiii*
Prakata		*xv*
Senarai Simbol Transliterasi		*xvii*
BAB 1	**KONSEP AKIDAH ISLAM**	**1**
	Pengertian Akidah	1
	Sumber Ilmu Akidah	4
	Kitab-Kitab Akidah dan Tokoh Utama	5
	Hukum Mempelajari Ilmu Akidah	7
	Hubungan Akidah dengan Syariat dan Akhlak	8
	Peranan Ilmu Akidah	9
	Bidang Perbahasan Ilmu Akidah	14
BAB 2	**ASAS KEIMANAN KEPADA TUHAN**	**17**
	Pengertian Al-Syahadatain	17
	Makrifat Allah	22
	Dalil Kewujudan Allah	42
	Kelebihan Makrifat Allah	53

PRAKATA

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji bagiNya yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahNya, sehingga penulisan buku ini dapat diselesaikan dengan izinNya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, keluarga, para sahabat, serta pengikut baginda hingga hari kiamat. Buku *Akidah Islam Menurut Al-Quran dan Hadis* ini disusun sebagai usaha untuk memberikan pemahaman yang mendalam mengenai asas-asas beriman dalam Islam. Akidah merupakan asas utama yang membentuk peribadi seorang Muslim, memandu tindakan dan pemikirannya, serta menjadi penentu arah kehidupan yang diredhai Allah.

Dalam buku ini, penulis berusaha mengupas konsep-konsep utama dalam akidah Islam, termasuk:

- **Tauhid**: Mengesakan Allah dalam segala aspek kehidupan, memahami sifat-sifatNya, dan menolak segala bentuk syirik.
- **Rukun Iman**: Meyakini enam rukun iman yang menjadi teras kepercayaan seorang Muslim, iaitu iman kepada Allah, malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari kiamat, dan qada' serta qadar.
- **Peranan Akal dan Wahyu**: Memahami hubungan antara akal dan wahyu dalam membentuk keyakinan yang sahih, serta bagaimana keduanya saling melengkapi dalam mencari kebenaran.
- **Cabaran Akidah**: Menjelaskan cabaran dalaman seperti syirik, khurafat, murtad; dan cabaran luaran seperti sekularisme, pluralisme dan liberalisme dan sebagainya yang dihadapi oleh umat Islam hari ini.

BAB : 1
KONSEP AKIDAH

PENGERTIAN AKIDAH

Perkataan 'akidah' berasal dari bahasa Arab, iaitu daripada kata dasar ''a-qa-da' (عَقَدَ) yang bermaksud 'mengikat'. Menurut Ibn Manẓūr (1988), perkataan *'aqd* (عقد) membawa maksud ikatan yang kukuh dalam hati terhadap sesuatu kepercayaan. Ikatan ini merangkumi dua aspek utama, iaitu secara *ḥissi* dan *ma'nawi* (makna). Dari segi istilah pula *akidah* merujuk kepada kepercayaan yang teguh serta tidak boleh dipisahkan daripada hati seorang Muslim. Aspek *hissi* merujuk kepada pengalaman yang boleh dikesan melalui pancaindera manusia seperti melihat, mendengar, merasai, mencium, dan menyentuh, manakala aspek *maknawi* merujuk kepada keyakinan dan kepercayaan yang tersemat dalam hati dan jiwa seseorang. Contoh ayat al-Quran yang menjelaskan pemahaman akidah secara *ḥissi* adalah sebagaimana maksud firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 55:

> *Maksudnya: "Mereka berkata, Wahai Musa, kami tidak akan beriman kepadamu sampai kami melihat Allah dengan jelas".*

Ayat ini merujuk kepada keinginan Bani Israil untuk melihat Allah dengan mata mereka sendiri sebagai syarat untuk mereka beriman. Mereka tidak cukup yakin dengan dalil wahyu dan mukjizat yang telah diberikan, sebaliknya menuntut agar nabi Musa mengemukakan bukti yang dapat disaksikan secara langsung melalui pancaindera (Ibn Kathīr, 2000). Perihal ini memaparkan bahawa keimanan mereka bergantung kepada bukti zahir

Buku Akidah Islam Menurut al-Quran dan Hadis membincangkan akidah secara menyeluruh dan sistematik berpaksikan wahyu ilahi. Kandungannya merangkumi pengertian, sumber serta kepentingan ilmu akidah sebagai asas pegangan hidup Muslim. Ia menghuraikan rukun iman enam perkara, sifat Allah dan rasul, konsep syahadah, makrifatullah dan hakikat kejadian manusia, lengkap dengan dalil naqli, aqli dan saintifik. Buku ini turut membincangkan cabaran dalaman dan luaran terhadap akidah seperti syirik, sekularisme, pluralisme dan liberalisme. Pendekatan Ahlus Sunnah wal Jamaah dijadikan asas penting dalam menyatupadukan umat Islam kerana ia menekankan kesatuan akidah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah serta menolak fahaman yang menyimpang daripada landasan akidah sebenar. Strategi memperkukuh akidah turut dihuraikan melalui pendidikan, keluarga, institusi masjid dan penguatkuasaan undang-undang. Justeru, buku ini sangat sesuai dijadikan rujukan utama oleh pelajar, pendidik dan masyarakat umum dalam memahami serta mengamalkan akidah Islam secara sahih dan menyeluruh.



Azarudin bin Awang (PhD) ialah Prof. Madya di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu. Mendapat ijazah sarjana muda dalam bidang Usuluddin dan Falsafah (UKM), Sarjana Usuluddin dan Falsafah (UKM), dan PhD dalam bidang Hubungan Etnik dan Perbandingan Agama (UM). Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang perbandingan agama, dialog agama, pemikiran Islam. Di samping itu beliau juga mempunyai minat dalam kajian perbandingan budaya dan kemanusiaan secara umum. Beliau merupakan penyelidik yang aktif menerbitkan hasil penyelidikan di dalam jurnal, buku, bab dalam buku dan artikel akademik. Penyelidikan yang sedang dijalankan sekarang oleh beliau ialah kajian Mualaf di Malaysia (Parameter Sambutan Perayaan Bukan Islam di Malaysia).

PENERBIT PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ISBN 978-629-496-183-8
Harga / Price : RM 44.00
9 786294 961838